

Danau Toba terbentuk hasil letupan gunung berapi

RAMAI penduduk Indonesia mengetahui mengenai letupan dahsyat Gunung Krakatau di Selat Sunda pada 26 Ogos 1883 yang mengorbankan 36,000 penduduk sekitar. Gegaran letupan Krakatau kedengaran hingga ke Alice Springs, Australia, dan Pulau Rodrigues di Afrika, atau sejauh 4,653 kilometer.

Daya gegaran letusan Gunung Krakatau diperkirakan mencapai 30,000 kali ledakan bom atom yang dijatuhkan tentera Amerika di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun.

Namun, ramai tidak sedar berdasarkan kajian sejarah, kehebatan ledakan Krakatau ternyata masih kalah letupan Gunung Toba di Sumatera Utara.

Dulu, Gunung Toba adalah gunung berapi aktif dalam kategori sangat besar dan bahaya. Gunung itu dipercayai meletup sekitar 74,000 tahun lalu, dengan letupan sangat dahsyat, sehingga gunung itu lenyap.

Yang tinggal kini adalah sebuah danau cantik dan sangat luas yang dikenal Danau Toba, salah satu tumpuan pelancong menarik di Sumatera. Justeru, danau itu sebenarnya adalah bekas kawah gunung berapi terbesar di dunia.

Jika diukur, Danau Toba memiliki 100 kilometer panjang dan 30 kilometer lebar, dikelilingi batu berbentuk pulau dikenali Pulau Samosir, peninggalan daripada letusan gunung yang kini didiami



INDAH : Danau Toba seluas 100 kilometer panjang dan 30 kilometer lebar terbentuk daripada letupan dahsyat gunung berapi.

kebanyakannya masyarakat berketurunan Batak.

Justeru, pengkaji arkeologi dari Belanda, Van Bemmelen, menyimpulkan, Toba adalah sebuah gunung berapi. Beberapa peneliti lain menemukan debu dan ketulan usia dengan batu-batan toba di Malaysia, bahkan ditemui sejauh 3,000 kilometer ke utara hingga India Tengah.

Penelitian terbaru, yang dilakukan Knight pada 1986 dan Chesner dan Rose (1991), menghasilkan

andaian bahawa Danau Toba tercipta hasil tiga letupan besar.

Selain Gunung Toba, letusan lebih dahsyat terjadi pada Gunung Tambora di Pulau Sumbawa, Nusa Tenggara Barat, yang ketika ini masih menjadi gunung berapi aktif, dengan ketinggian 2,850 meter. Sebelum meletup, ketinggian puncak Tambora mencapai 4,000 meter.

Tambora meletup dengan dahsyatnya pada 10 April 1815, memuntahkan lahar hingga sejauh 100

kilometer, melepaskan 400 kilometer padu debu ke angkasa hingga setinggi 44 kilometer dari permukaan tanah.

Mangsa yang terkorban akibat letupan itu mencapai 117,000 orang, penduduk daripada tiga kerajaan iaitu Tambora, Pekat dan Sanggar. Kekuatan letusan Tambora dipercayai mencapai enam juta kali letusan bom atom Hiroshima.

Letupan Tambora juga melontarkan debu sejauh 1,300 kilom-

FAKTA NOMBOR

Angka korban gunung berapi Indonesia

36,000

Mangsa letupan Krakatau

117,000

Mangsa letupan Tambora

eter dengan radius suara letusan kedengaran sehingga 2,600 kilometer sehingga terdengar sampai di Surabaya dan Australia.

Sisa letupan Tambora kini dapat dilihat daripada pecahan puncak gunung berbentuk danau. Lebar danau dari hasil ledakan itu berdiameter kurang lebih lapan kilometer dan mempunyai kedalaman 5.6 kilometer dari bibir kawah teratas. Sisa kawah gunung itu kini adalah kawah paling besar yang masih aktif di dunia.